

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID**

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9794

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kebenaran pekerja asing
dibenarkan bekerja di semua sektor.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi mengisi kekosongan jawatan yang gagal diisi oleh pekerja tempatan dalam enam sektor formal iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian, dan perkhidmatan (subsektor restoran (tukang masak), pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa dan refleksologi, kedi (lelaki), pengendalian kargo (pelabuhan dan lapangan terbang) dan pembantu taman tema serta 1 sektor informal khidmat domestik.